

# DEB tidak boleh dibincang secara terbuka

UM: 6/7/2007

KUANTAN 5 Julai - Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih tidak boleh dibincangkan secara terbuka kerana masyarakat pelbagai kaum di negara ini belum bersedia untuk sebarang tindakan seperti itu, tegas Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Beliau berkata, penasihat Parti Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik yang melontarkan idea itu mungkin merasakan perkara tersebut boleh dilakukan dan beliau orang yang sanggup menerima kritikan.

Namun, katanya, masyarakat umum masih belum lagi mencapai tahap itu dan sebarang perbincangan terbuka untuk DEB hanya akan mengundang masalah baru termasuk kemungkinan berbangkitnya isu perkauman.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri berkata, adalah dibimbangi bahawa perbincangan melalui kaedah berkenaan akan mewujudkan lebih banyak masalah berbanding penyelesaian.

"Bercakap bagi pihak UMNO Pahang, saya merasakan perbincangan DEB secara terbuka masih belum sesuai.

"Kita lihat di negara ini, kadang-kala isu perundangan berubah menjadi isu politik dan isu politik berubah menjadi isu perkauman, setiap masyarakat mempunyai sikap *bias* mereka sendiri," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Pertandingan Pidato Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 2007 Peringkat Negeri Pahang di sini hari ini.

Kata beliau, perbincangan secara terbuka berhubung isu-isu sensitif tidak bererti ia merupakan satu amalan demokratik.